

Oktober/November 1994

PLG 410 - Kaedah Mengajar Biologi II

Masa: [1 1/2 jam]

Jawab DUA soalan sahaja daripada tiga soalan-soalan berikut. Setiap soalan mempunyai markah yang sama.

1. Kerja amali dalam Biologi adalah suatu strategi pengajaran yang dijalankan untuk mencapai objektif-objektif pengajaran tertentu yang tidak boleh dicapai melalui strategi pengajaran lain.

Nyatakan apakah objektif-objektif khusus yang boleh dicapai melalui kerja amali dalam Biologi. Bincangkan bagaimanakah objektif-objektif ini boleh dinilai oleh guru, samada dalam jangkamasa pendek atau panjang.
2. [a] Bagaimanakah teori konstruktivisme boleh diperkembangkan dalam pengajaran Biologi. Bincangkan dengan memberi contoh-contoh tertentu.

[b] Bincangkan kebaikan dan kelemahan ujian buka buku (open- book test).

[c] Bina dua soalan yang sesuai dari topik-topik Biologi untuk digunakan dalam "Ujian Buka Buku" ini.
3. Kemahiran proses sains dan kemahiran berfikir adalah dua aspek dalam pengajaran sains yang tidak boleh dipisahkan.

[a] Rekabentuk sebuah aktiviti yang boleh memperkembangkan kedua-dua aspek kemahiran ini untuk pelajaran Biologi anda di Tingkatan 5.

[b] Nyatakan kemahiran-kemahiran proses sains dan kemahiran-kemahiran berfikir yang terlibat.

[c] Dalam mereka bentuk aktiviti tersebut beri pertimbangan kepada perkara-perkara berikut:
 - [i] Apakah yang pelajar-pelajar harus buat.
 - [ii] Bagaimanakah anda sebagai guru dapat membantu mereka menguasai kemahiran-kemahiran tersebut.
 - [iii] Apakah hasil yang anda akan dapatkan untuk membuktikan pelajar telah memperolehi kemahiran-kemahiran tersebut.

--- oooo000oooo ---

